

Negara Teluk minat contohi MSC

UM - 7 SE? 2001

Oleh ASUKI ABAS
dan MARHAINI KAMARUDDIN

KUALA LUMPUR 6 Sept. — Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad berkata, Koridor Raya Multimedia (MSC) bukan sahaja berjaya melepasi sasaran awal kerajaan malah berhasil menarik minat negara-negara Teluk untuk mencontohnya.

Perdana Menteri berkata, kerajaan pada mulanya meramalkan sebanyak 500 syarikat akan menjadi syarikat berstatus MSC menjelang tahun 2003, tetapi sehingga kini sebanyak 554 buah telah diberikan status itu dengan 46 daripadanya ialah syarikat bertaraf dunia.

"Kita juga masih berusaha memasarkannya, malah beberapa buah negara telah menyatakan minat untuk menjadikannya sebagai contoh.

"Syria pula telah melantik kita sebagai penasihat kepada projek mereka yang hampir sama (dengan MSC)," kata beliau.

Perdana Menteri berkata demikian dalam sidang akhbar selepas hari pertama Mesyuarat Panel Penasihat Antarabangsa (IAP) MSC

yang ke-5 di Cyberview Lodge di sini hari ini.

Menurut Dr. Mahathir, Malaysia juga sedang berunding dengan Mesir dan beberapa negara Teluk lain yang turut menyuarakan minat untuk melaksanakan projek ala MSC di negara masing-masing.

Merujuk

"Tentunya ia berlaku kerana kita telah melakukan sesuatu yang betul, jika tidak mereka tidak akan merujuk kepada kita kerana mereka boleh mendapatkan nasihat dari banyak negara lain," kata beliau.

Perdana Menteri berkata, kelembapan ekonomi Amerika Syarikat tidak meninggalkan kesan buruk yang terlalu besar ke atas MSC berdasarkan peningkatan permintaan ruang pejabat yang berterusan.

"Pelaburan masih mengalir masuk (dengan) beberapa buah syarikat besar telah memilih MSC sebagai pusat teknologi maklumat (IT).

"Shell sebagai contohnya mempunyai tiga sahaja pusat IT, setiap satu di The Hague dan Houston tetapi yang paling besar terletak di Kuala Lumpur ini iaitu MSC," kata Perdana Menteri.

Kenyataan Dr. Mahathir itu disokong oleh Naib Presiden Eksekutif Intel Corporation, Michael R. Splinter yang menyatakan kejayaan MSC menarik minat syarikat seperti Shell dalam situasi kelembapan ekonomi dunia sebagai satu kejayaan besar.

"Ia adalah pengesahan prestasi yang terbaik," ujarnya yang juga merupakan ahli IAP.

Selain itu, Dr. Mahathir berkata, beberapa buah negara termasuk Bahrain, Jordan dan Singapura berminat dengan kad pintar pelbagai guna kerajaan iaitu MyKad, untuk digunakan di negara masing-masing.

"Bagaimanapun kita harus lihat bagaimana penggunaan kad itu di negara ini terlebih dahulu supaya ia lebih menarik untuk dijual," kata Perdana Menteri.

Selain itu, beberapa buah negara lain juga menunjukkan minat terhadap penggunaan pasport elektronik yang digunakan oleh rakyat negara ini tetapi belum ada sesuatu yang konkrit dinyatakan oleh mereka, tambah Dr. Mahathir. †